

# Dr M pandu

## 9 dermawan

BH - 12/1/2005:

KUALA LUMPUR: Sembilan penderma terbanyak mangsa tsunami pada satu acara khas di Litar Antarabangsa Sepang (SIC), Ahad ini, berpeluang mengelilingi litar itu menaiki kereta Porsche Cayenne yang dipandu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir yang diketahui sebagai pencinta kereta dan pemandu yang berupaya, akan menjadi 'pemandu' khas kepada sembilan penderma itu menaiki kereta milik anaknya, Datuk Mokhzani.

Acara itu yang diberi nama "Perlumbaan Bersatu Bagi Kutipan Derma Untuk Tabung Mangsa Tsunami" diadakan bersempena *Sunday Track Day*, Ahad ini.

Pengurus SIC, Ahmad Mustafa, berkata *Sunday Track Day* ialah hari terbuka yang memberi peluang kepada orang ramai menggunakan litar sepanjang 5.543 kilometer sambil beramal kerana mereka akan dikenakan bayaran untuk disalurkan kepada mangsa tsunami.

"Selain itu kami juga mengadakan pelbagai aktiviti yang lain untuk memeriahkan acara pada hari berkenaan, seperti *drag challenge*, lawatan mengelilingi trek menggunakan khidmat pemandu yang disediakan khas yang turut disertai oleh Tun Mahathir, cabutan bertuah dan cara pemanduan yang selamat

"Kami turut menjemput pelumba terkemuka negara seperti Karamjit Singh, Alex Yoong, Shahroi Yuzy untuk memeriahkan acara ini," katanya.

Semua kutipan dan derma akan disalurkan kepada Tabung Mangsa Tsunami Malaysia.